



## KENYATAAN MEDIA PELANJUTAN FASA AWAL ENDEMIK

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 10hb., Januari 2022***

1. Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan merujuk kepada Kenyataan Media Jabatan Perdana Menteri mengenai "**PENGUMUMAN PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN SEMASA FASA ENDEMIK**" bertarikh 12 Haribulan Disember 2021, Jawatankuasa Pandu COVID-19 dengan ini memaklumkan bahawa **Fasa Awal Endemik (*Early Endemic Phase*) di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19 akan dilanjutkan selama satu (1) bulan lagi, bermula hari Sabtu, 15 Haribulan., Januari 2022 sehingga hari Isnin, 14 Haribulan., Februari 2022.**
2. Sekatan pergerakan yang dilaksanakan semasa "**Operasi Peralihan**" iaitu **arahan untuk berada di rumah atau kediaman masing-masing adalah juga dilanjutkan sehingga hari Isnin, 14 Haribulan, Februari 2022, manakala tempohnya akan dipendekkan dari jam 12.00 tengah malam sehingga 4.00 pagi.** Ini akan membantu premis-premis perniagaan meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan semua di samping untuk memastikan keadaan COVID-19 terus dapat dikawal.
3. Pelanjutan Fasa Awal Endemik ini adalah dengan mengambil kira keadaan situasi jangkitan COVID-19 yang pada masa ini mula menunjukkan peningkatan semula. Oleh itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus membuat pemantauan terhadap penularan jangkitan serta akan melakukan sedaya upaya bagi memastikan langkah-langkah yang bersesuaian dibuat bagi keselamatan rakyat dan penduduk Negara ini.
4. Selain itu, pelanjutan ini juga memberikan masa kepada pihak Kerajaan untuk memastikan kes-kes jangkitan serta kadar *bed occupancy* di pusat-pusat pengasingan adalah kekal rendah; meningkatkan liputan pemberian dos penggalak (*booster dose*) dan seterusnya pelaksanaan pemberian suntikan



vaksinasi kepada kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun nanti, *Insyallah*.

5. Pihak Kerajaan juga amat berbesar hati kepada orang ramai atas sambutan baik mereka terhadap program suntikan dos penggalak (*booster dose*). Semua ini adalah berkat kerjasama dari semua pihak terutamanya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sentiasa berganding bahu dalam mematuhi garis panduan dari Kementerian Kesihatan, termasuk sokongan berterusan mereka terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam sama-sama memikul tanggungjawab masing-masing. Di kesempatan ini, pihak Kerajaan sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua atas kerjasama yang diberikan selama mana kita mengharungi cabaran gelombang kedua wabak COVID-19 di negara ini.
6. Sekali lagi, orang ramai adalah diingatkan supaya tidak leka dan hendaklah terus mematuhi Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures – SOPs*) seperti menjaga penjarakan fizikal, memastikan jumlah kapasiti yang dihadkan, memakai sungkup muka, menjaga kebersihan, menggunakan aplikasi BruHealth secara mandatori, malah penggunaan ART adalah digalakkan sebelum memasuki premis-premis. Selain itu, bagi mereka yang masih belum mendapatkan atau melengkapkan suntikan vaksinasi COVID-19 adalah dinasihatkan untuk mendapatkannya dengan segera bagi menjaga keamanan, keselamatan dan kesejahteraan tanah air kita.
7. Oleh itu, marilah kita terus berdoa dan bertawakal kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala* supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19. *Amin ya rabbal 'alamin*.

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

7hb., Jamadilakhir 1443

10hb., Januari 2022



## **MEDIA STATEMENT**

### **EXTENSION OF THE EARLY ENDEMIC PHASE**

***Bandar Seri Begawan, Monday, 10<sup>th</sup> January 2022***

1. With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, and in reference to the Media Statement by the Prime Minister's Office on the **"ANNOUNCEMENT OF UPDATED GUIDELINES DURING THE ENDEMIC PHASE"** dated 12<sup>th</sup> December 2021, the COVID-19 Steering Committee wishes to announce that the Early Endemic Phase will be extended **for one (1) month, starting Saturday, 15<sup>th</sup> January 2022 until Monday, 14<sup>th</sup> February 2022.**
2. The movement restriction which was implemented during **"Operasi Peralihan"**, that is, the instruction to stay at home will also be **extended until Monday, 14<sup>th</sup> February 2022, but the period will be shortened to 12.00 a.m. to 4.00 a.m.** This would enable businesses to help improve the economy and enhance the well-being of all, whilst ensuring that the COVID-19 situation remains under control.
3. This extension of the Early Endemic Phase is made in consideration of the recent rise in COVID-19 infections. In relation to this, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam will continue to monitor the spread of the virus, and will do its utmost best to ensure that the appropriate measures are taken in the interest of the safety of the country's citizens and residents.
4. In addition, this extension also allows more time for the Government to ensure that infection cases as well as bed occupancy rates at isolation centres remain low; for the coverage of vaccine booster doses to increase; and subsequently for the provision of vaccinations for children aged 5 to 11 years, *Insyah Allah.*
5. The Government is also grateful to the public for their receptiveness to the booster dose vaccination. This is made possible with the cooperation of all parties, especially the citizens and residents of Brunei Darussalam, who have



worked together in complying with health guidelines, including their continued support to the Government's efforts in jointly shouldering their respective responsibilities. On this note, the Government once again extends its appreciation to all for their collective efforts during the second wave of the COVID-19 in the country.

6. Once again, the public is reminded not to be complacent and to continue to adhere to SOPs, such as physical distancing, ensuring venue capacity limits, the wearing of facemasks, maintaining cleanliness, and mandatory use of the BruHealth mobile application. Meanwhile, the use of ART prior to entering premises is encouraged. In addition, for those who have not been vaccinated or have not completed their vaccinations yet, it is advisable to do so immediately to preserve the safety, security and well-being of our nation.
7. Therefore, we must continue to pray, work together, and have faith in Allah *Subhaanahu Wa Ta'ala* that we will be safe from the COVID-19 pandemic. *Amin ya rabbal 'alamin.*

***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

7<sup>th</sup> Jamadilakhir 1443  
10<sup>th</sup> January 2022